

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.11.2017**

**Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi simpanan ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dilabur di luar negara seperti Amerika Syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap cadangan pelaburan KWSP akan dikaji secara *deal by deal basis* (dengan izin) dan melalui proses penilaian pelaburan yang ketat, berdisiplin dan berhemah. Tiada perincian atau nilai-nilai pelaburan yang spesifik

bagi tujuan yang dinyatakan dan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat baru-baru ini adalah konsisten dengan strategi jangka panjang pelaburan KWSP untuk meningkatkan pelaburan luar negara terutamanya dalam kelas aset Hartanah dan Infrastruktur.

Pelaburan KWSP adalah berpandukan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) yang dirangka untuk mengoptimumkan pulangan jangka panjang pada julat risiko yang munasabah. KWSP juga telah melantik dan bekerjasama dengan perunding kewangan global yang mempunyai kredibiliti yang tinggi di dalam merangka SAA yang bersesuaian dengan profil risiko dan jangkaan pulangan KWSP. Ini adalah bertepatan dengan objektif pelaburan KWSP untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli. Semakan ke atas SAA dibuat 3 tahun sekali bagi memastikannya ianya selaras dengan keadaan pasaran dan jangkaan pulangan pasaran modal domestik dan global.

Bagi sektor Hartanah dan Infrastruktur, SAA dibenarkan adalah sebanyak 10% dan setakat 30 Jun 2017, pendedahan sedia ada KWSP dalam sektor tersebut adalah pada kadar hanya 4%. Selain berperanan sebagai pelindung nilai terhadap inflasi, kelas aset Hartanah dan Infrastruktur turut menjana pulangan pelaburan yang

kompetitif dengan risiko lebih rendah berbanding Ekuiti dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Meskipun telah mencatat kadar pulangan pelaburan [*Return on Investment (ROI)*] yang ketara sebanyak 8.8% dalam tempoh 3 tahun yang lalu, sumbangan pendapatan daripada kelas aset ini masih kecil disebabkan peratusan pelaburan yang masih lagi rendah berbanding peruntukan SAA yang dibenarkan. Oleh yang demikian, KWSP sentiasa mencari peluang pelaburan berkualiti dan menepati garis panduan pelaburan serta profil risiko dan jangkaan pulangan KWSP sebagai sebuah dana simpanan persaraan.